



SEMANGAT BERKOBAR-KOBAR BARKOBA — FENOMENA LUAR BIASA CIPTAAN NETIZEN BERKESAN!

Oleh: **Jaydee Mohamad**

Disunting untuk menulis ruangan ini sebagai penulis jemputan, saya sedikit canggung kerana selalunya saya hanya membuat laporan acara hiburan untuk tatapan pembaca akhbar BH dan BH Online. Tapi kali ini atas kapasiti undangan Editorkini, saya tidak mampu menolaknya.

Acara ABPBH 34 yang menyaksikan keampuhan Janna Nick diangkat sebagainya Bintang Paling Popular menjadi kendalian terakhir saya sebelum berhenti kerja di penerbitan itu.

Dan apabila diminta oleh Editorkini untuk menulis sesuatu di sini mengikut apa sahaja buah fikiran saya, saya tidak berfikir lama tentang isu apa yang harus saya ketengahkan. Sementelah Anugerah Bintang Popular Berita Harian ke 35 pun sudah semakin hampir.

Dan inilah isu menarik yang ingin saya kupaskan...

Kuasa netizen meletakkan Bell Ngasri di satu tahap luar biasa yang tidak pernah dibayangkan empunya diri selama 37 tahun bersepak terajang di dalam kancah seni.

Tanggal 21 Julai lalu bakal dikenang pemilik nama penuh, Nasrizal Ngasri itu sebagai momen paling terindah memahat namanya sebagai anak seni. Ternyata tuah, rezeki dan waktu yang tepat juga mendekatinya.

Kemenangannya bagai isyarat 'bell' atau loceng yang berdering mahupun berbunyi serta bergema di seluruh pelusuk alam hingga mencetuskan fenomena tak terduga.





Kejayaannya dinobatkan sebagai Bintang Paling Popular dan meraih undian tertinggi bagi kategori Artis Komedi Popular di Anugerah Bintang Popular BH edisi ke-35 bagai menepati ramalan ramai.

Hebatnya kuasa jabatan netizen yang tiba-tiba menjadi kelompok peminat dan pengundi jangan dibuat main dan tidak boleh dipandang enteng. Ini fakta dan bukan auta.

Semuanya terjadi bagai magis dan kejutan tak disangka-sangka sekali gus menepis kuat pola undian acara berkenaan yang selama ini bersandarkan kepada tunjang sokongan padu kelab peminat atau 'fan base'.

Bell yang terkenal dengan slogan 'yak yak yeay' daripada karakter Barkoba dibawanya secara tiba-tiba diangkat dan disanjung persis wakil rakyat yang rancak 'berkempen' dan melobi diri.



Nama pelakon filem 'Kaki Bakar' dan 'Kampung Latah The Mummy' ini tak semena-mena dilaungkan. Hingga ada suara atau 'petisyen' Malaysia Memilih menyatakan sokongan dan undian tidak berbelah bahagi.

Siapa sangka calon 'underdog' atau bukan pilihan ini mampu menidakkan kemampuan calon popular lain yang disokong jitu peminat seperti Meerqeen dan Anna Jobling yang meledak hingga ke Indonesia menerusi drama Melur Untuk Firdaus.

Bell 'tiba-tiba' diangkat menerusi perkongsian tular di laman maya yang mengimbas perjalanan seninya, selain sokongan beberapa individu termasuk daripada kumpulan yang diwujudkan di Facebook seperti Persatuan Ibu-Ibu Comel Mengandung, Sabahan Stories, Suka Filem dan banyak lagi.



Tak terhenti di situ, netizen melancarkan kempen alam maya meminta supaya pelakon 'senior' serba boleh itu wajar diangkat sebagai pemenang pada ABPBH 35. Tak lupa sokongan dan 'kempen' halus rakan artis juga kelihatan terang-terangan mahu kemenangan di ABPBH 35 menyebelahnya.

Hakikatnya juga Bell yang memulakan kerjaya seni sejak usia enam tahun selain dilahirkan dalam keluarga seni ini bukanlah calon kegemaran. Malah hanya menyandarkan bakat yang dimiliki semata-mata. Atau lebih tepat dia hanya pelengkap, pemanis atau syarat di sebalik watak penting.

Hal itu diakui sendiri Bell sewaktu ucapan kemenangannya di acara berkenaan.





"Kalau kalian semua nak tahu, saya adalah orang yang pernah cakap yang saya tak perlukan populariti. Selama 37 tahun dalam bidang seni, saya tak bergantung pada trofi ini, tetapi saya masih ada lagi dalam industri ini."

"Sekecil-kecil watak saya ada di belakang hero, saya ada di celah-celah orang. Kalau ada acara-acara besar seperti ini, saya hanya akan layan penonton waktu iklan sahaja," katanya.

Malah abang kepada Darling dan Anne Ngasri ini juga mengakui tidak gemar melalui lintasan permaidani merah untuk acara hiburan.





Pendek kata, dia yang pernah meraih kejayaan sebagai Aktor Pembantu Terbaik pada Anugerah Skrin (ASK) 1998 menerusi telefilem menyentuh hati berjudul Pa'e yang turut dibintangi Shaheizy Sam dan Harun Hashim lebih selesa masuk terus ke dewan saat acara bermula.

Namun, di ABPBH 35 atas permintaan penganjur, Bell bersetuju melalui lintasan permaidani merah bersama isteri tersayang, Nur Farhana Mahamad Fauri.

Oh ya, jika diimbaz semula sewaktu ucapan kemenangannya, Bell tak lupa menyebut nama ibunya (Habibah Jaafar) yang menjadi pencetus awalan kerjaya seninya.

Trofi kejayaan tak lupa didedikasi kepada ibu tercinta yang gigih mendidik tanpa mengenal erti jemu serta penat kepada dia dan adik-beradik untuk menjadi pelakon sejak kecil.

"Sebenarnya hadiah ini untuk mama saya. Dia yang nak sangat saya menang. Dia yang suruh saya jadi pelakon. Terima kasih BH, ABPBH dan TV3.

"Sejak saya usia enam tahun, mama bawa saya dan adik-adik naik bas mini dan bagi susu dalam bas," katanya.

Tentunya jika pencipta watak Barkoba yang juga geng plastik hitam dalam telefilem '16 Puasa', '17 Puasa' dan '18 Puasa', Allahyarham Mamat Khalid masih hidup, pasti beliau akan tersenyum bangga dengan kejayaan ini.

“Saya juga tak lupa kekuatan watak Barkoba. Kita beri tepukan tangan kepada pencipta watak Barkoba iaitu arwah Mamat Khalid,” katanya.

Alfatihah buat arwah abang Mamat.



Buat Bell teruslah membumi dan menghiburkan kami. Terus menggeletek hati semua ya! Usaha tidak pernah mengkhianati hasil. Raikan momen indah kejayaan ini sebaik mungkin.

Mengenali Bell secara peribadi yang membina nama sebagai pelakon filem menerusi filem 'Cinta Kita' pada 1995, dia bukanlah pelakon yang banyak songeh. Bahkan sangat menyenangkan dengan suntikan lawak memeriahkan suasana temubual.

Bell seterusnya melebarkan kerjaya sebagai pelawak pada 2007 apabila syarikat produksi mula memberi kepercayaan kepadanya menjayakan watak komedi. EditorKini.com



— *Profil Editor
Femputan,*

Jaydee Mohamad



Saya sempat memikul tugas sebagai wartawan hiburan bersama akhbar BH dari Mac 2008 hingga September 2022.

Sebelum itu, saya menimba pengalaman hampir lima tahun sebagai wartawan Mangga di Utusan Karya di bawah kendalian arwah Mama Juwie dan Huzz serta Norzеха Kasbi.

Saya masih minat menulis, siapa tahu ada rezeki akan buat 'come back'. Kini saya mencari rezeki sebagai 'freelance publicist' selain turut suka merakamkan momen berharga menerusi telefon bimbitnya termasuk berkelana di negara orang.

**Momen itu juga dikongsi di platform media sosialnya, @jaydeesm (Instagram dan Twitter)*